

1981

KUALA LUMPUR, 15 DIS. (BERNAMA) -- KERAJAAN SEDANG MENIMBANG PERLUNYA DITUBUHKAN SEBUAH LAGI UNIVERSITI BAGI MENAMPUNG KEPERLUAN TENAGA PEKERJA DI NEGARA INI, DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMED BERKATA HARI INI.

MEMANDANGKAN JUMLAH BESAR WANG YANG DIBELANJAKAN UNTUK MENGHANTAR PARA PELAJAR KE SEBERANG LAUT, LANGKAH SEUMPAMA ITU MUNGKIN PERLU DIAMBIL, KATANYA KEPADA PARA PEMBERITA SELEPAS MERASMIKAN PERSIDANGAN KETUA-KETUA PERWAKILAN MALAYSIA DI WISMA PUTRA DI SINI.

PERDANA MENTERI MENJELASKAN SEDANG NEGARA MAJU, PERMINTAAN UNTUK TEMPAT-TEMPAT DALAM INSTITUSI-INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI TURUT MENINGKAT.

SEKARANG TERDAPAT KIRA-KIRA 40,000 ORANG PELAJAR DI EROPAH SAHAJA DAN JIKA \$1,000 DIBELANJAKAN KE ATAS SETIAP PELAJAR SETAHUN, PERBELANJAAN TAHUNAN AKAN BERJUMLAH \$40 JUTA.

TETAPI KOS MENGHANTAR PELAJAR KE BRITAIN IALAH \$15,000 SEORANG PELAJAR SETAHUN DAN \$12,000 DI AMERIKA SYARIKAT, KATANYA. --  
BERSAMBUNG 1322/LK

B529:

MAHATHIR-UNIVERSITI 2 KUALA LUMPUR

DATUK SERI DR. MAHATHIR MENERANGKAN ARAHAN YANG DIKELUARKAN BARU-BARU INI MENGENAI PEMUNGUTAN MAKLUMAT PELAJAR MALAYSIA DI SEBERANG LAUT BERTUJUAN MENENTUKAN BILANGAN PELAJAR MALAYSIA YANG MENUNTUT DI LUAR NEGERI.

+DISEBABKAN DASAR-DASAR BEBERAPA BUAH NEGARA TERTENTU, KAMI MUNGKIN AKAN MEMPERBESARKAN SETENGAH-SETENGAH FAKULTI TEMPATAN. KAMI JUGA MUNGKIN MENIMBANG MENDIRIKAN SEBUAH LAGI UNIVERSITI,+ KATANYA.

+INI BERGANTUNG KEPADA JUMLAH WANG YANG KAMI BELANJAKAN,+ TAMBAHNYA.

OLEH KERANA MALYSIA MEMPUNYAI LIMA BUAH UNIVERSITI +TIDAK BERMAKNA KITA TIDAK BOLEH MENGADAKAN ENAM,+ TEGASNYA. +SEMUA BERGANTUNG KEPADA KEPERLUAN DAN PERMINTAAN NEGARA.+

PERDANA MENTERI JUGA MENYATAKAN KEMUNGKINAN MENAMBAHKAN PENGAMBILAN PELAJAR OLEH UNIVERSITI-UNIVERSITI TEMPATAN.

MENGENAI CADANGAN MENGHANTAR PARA PELAJAR KE JEPUN DAN KOREA SELATAN, BELIAU BERKATA TEKANAN AKAN DIBERI KEPADA LATIHAN SAMBIL BEKERJA DAN LATIHAN KETUKANGAN.

KELAS-KELAS KHAS BAHASA AKAN DIADAKAN BAGI CALON-CALON TERPILIH UNTUK MEMBOLEHKAN MEREKA MENGIKUTI KURSUS DI KEDUA-DUA NEGARA TERSEBUT. -- BERSAMBUNG 1345/1B

B530:

MAHATHIR-UNIVERSITI 3 KUALA LUMPUR

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA MALAYSIA TIDAK BERHASRAT MENCARI TEMPAT BELAJAR DI UNIVERSITI-UNIVERSITI JEPUN KERANA PARA PELAJAR MALAYSIA MUNGKIN MENGHADAPI KERUMITAN DISEBABKAN MASALAH BAHASA.

+CARA YANG PALING BAIK IALAH MENGHANTAR PELAJAR UNTUK LATIHAN KETUKANGAN SECARA LANGSUNG DI INSTITUSI-INSTITUSI YANG MEMERLUKAN KEPERLUAN PENDIDIKAN TERTENTU.+ KATANYA.

INSTITUSI-INSTITUSI SEPERTI ITU ADALAH LEBIH MUDAH BAGI PELAJAR MALAYSIA MEMASUKINYA. TAMBAHNYA

MENGENAI LAPORAN KEKURANGAN PENGETAHUAN DI KALANGAN PARA PELAJAR MALAYSIA MENGENAI PEMBANGUNAN NEGARA, PERDANA MENTERI BERKATA PERWAKILAN-PERWAKILAN MALAYSIA DI SEBERANG LAUT TELAH BERUSAHA SEDAYA UPAYA DALAM PERKARA ITU.

ADALAH MUSTAHIL UNTUK MEMAKLUMKAN SETIAP PELAJAR MENGENAI SETIAP PEMBANGUNAN TERUTAMA MEREKA YANG BELAJAR DI TEMPAT-TEMPAT TERPENCIL, KATANYA.

MISALNYA DI AMERIKA SYARIKAT, PERWAKILAN MALAYSIA TERLETAK DI NEW YORK, WASHINGTON DAN SATU TEMPAT LAGI DI PANTAI BARAT -- MANAKALA PARA PELAJAR MALAYSIA BERTABURAN DI SELURUH NEGARA ITU.

+OLEH ITU ADALAH SEBILANGAN MEREKA YANG TIDAK MENGETAHUI TETAPI SETENGAH-SETENGAHNYA PULA SENGAJA TIDAK MAHU MENGETAHUI,+  
WJARNYA. -- BERNAMA 1355/1B